



---

---

**KERJA-KERJA PENGOREKAN  
DI SEPANJANG DERMAGA 10 - DERMAGA 14  
NORTH POINT, PELABUHAN KLANG**

---

---

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.  
Kepada : Nakhoda Kapal, Malim-Malim Pelabuhan, Pelaut-Pelaut Tempatan,  
Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.  
Tarikh : 26 April 2003.

---

Dimaklumkan bahawa sejajar dengan projek pengubahsuaian dan pembinaan semula dermaga oleh pihak Northport Berhad di Dermaga 12 dan Dermaga 13, Pelabuhan Klang Utara, maka suatu kerja-kerja pengorekan laut akan dijalankan di sepanjang kawasan dermaga dari Dermaga 10 hingga ke Dermaga 14, selama tempoh kira-kira dua minggu mulai dari 28 April 2003.

2. Butiran vesel yang akan digunakan dalam kerja pengorekan, adalah seperti berikut:-

- (i) Nama Vesel: MV. INAI SEROJA (Pendaftaran Port Kelang)
- (ii) Jenis Vesel: "Trailing Suction Hopper Dredger"
- (iii) Panjang Vesel (LOA): 127.7 Meter

3. Perlu dimaklumkan juga bahawa vesel terlibat akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Manakala bahan-bahan korekan pula akan dilupuskan di tapak pembuangan am (*Spoil Ground*) yang terletak di sebelah Selatan dari Pulau Angsa, pada Garisan Lintang 03° 08.85' Utara dan Garisan Bujur 101° 14.20' Timur.

4. Sehubungan itu, maka semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan-kawasan yang berkaitan dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel terlibat.

Sekian, terima kasih.

**( MOHD SANI BIN ROSLI )**  
b.p. Pegawai Pelabuhan,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah,  
Pelabuhan Klang.

- s.k:
- (i) Pengarah Laut,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah.
  - (ii) Pengurus Besar (Kawalselia),  
Lembaga Pelabuhan Kelang.